



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR AHAD			
TARIKH	:	18/7/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	27
JABATAN	:	PERHILITAN			

Sinar Ahad, 18  
Jul 2021\_27

# Harimau belang masuk perangkap

Haiwan yang dipercayai  
menyerang orang asli  
berjaya ditangkap  
Perhilitan di Pos Bihai

Oleh SITI FATIHAH AWANG

### GUA MUSANG

Seekor harimau belang yang dipercayai menyerang seorang penduduk orang asli berjaya ditangkap Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Kelantan dalam satu operasi di Kampung Badak, Pos Bihai, di sini.

Pengarah Perhilitan Kelantan, Ady Ermanty Haniff Mohamed Hanif dalam satu kenyataan berkata, tangkapan tersebut merupakan susulan kes serangan yang berlaku melibatkan seorang penduduk orang asli di kawasan berkenaan.

"Jabatan Perhilitan telah menjalankan siasatan awal, pemantauan serta pemasangan perangkap kamera di lokasi kejadian pada 7 hingga 9 Julai.

"Hasil pemantauan mendapati kehadiran harimau belang di kawasan berkenaan dan pada 12 Julai, seramai lapan kakitangan kami telah menjalankan operasi tangkapan dan pemasangan satu unit perangkap



Harimau belang yang ditangkap Perhilitan ini dipercayai menyerang seorang penduduk orang asli pada 7 Julai lalu.

harimau dikenali sebagai Perangkap Wahab di kawasan kejadian," katanya pada Sabtu.

*Sinar Harian* sebelum ini melaporkan seorang lelaki orang asli, Adin Andok, 43, terpaksa menetak harimau belang menggunakan golok bagi menyelamatkan diri selepas diterkam haiwan berkenaan pada 7 Julai lalu dan dia dikatakan dalam perjalanan pulang ke rumah selepas membersihkan kebun ubi kayu miliknya.

Mengulas lanjut, Ady Ermanty Haniff berkata, harimau yang dipercayai menyerang mangsa itu telah memasuki perangkap yang dipasang dan harimau tersebut mengalami kecederaan di kepala, tengah badan, leher dan juga ekor dipercayai luka akibat pergelutan dengan mangsa serangan.

Beliau berkata, operasi pemindahan raja rimba yang diberi gelaran Syamilla Bihai oleh masyarakat orang asli di kawasan itu ke Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan (NWRC), Sungkai, Perak untuk rawatan lanjut telah dijalankan pada Jumaat.

"Jabatan Perhilitan akan terus menjalankan pemantauan dan kawalan di kawasan tersebut bagi menjamin keselamatan penduduk dan hidupan liar.

"Orang ramai disaran supaya lebih berwaspada jika terserempak dengan hidupan liar dan sebarang aduan serta maklumat berkenaan hidupan liar boleh disalurkan kepada Jabatan Perhilitan melalui talian hotline Perhilitan iaitu 1-800-88-5151 atau e-aduan di laman sesawang [www.wildlife.gov.my](http://www.wildlife.gov.my)," katanya.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli  
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : [www.ketsa.gov.my](http://www.ketsa.gov.my)



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia



KeTSAMalaysia